

“Sleep Over At The Sabah Museum” adalah satu program khusus yang disediakan bagi memberi peluang kepada orang ramai dan remaja melalui pengalaman hidup yang biasa dialami oleh remaja-remaja suatu ketika dahulu. Pemodenan yang kita lalui masa kini membawa kepada bentuk kehidupan serba mewah. Pelbagai alat dan kelengkapan hidup senang diperolehi dan remaja-remaja masa kini tidak pernah tau bagaimana agaknya kehidupan remaja terdahulu. Sebelum pembangunan menyerlah, khususnya bekalan elektrik. Kawasan perkampungan biasanya dalam keadaan gelap pada waktu malam, perjalanan ke rumah jiran pada waktu malam gelap gelita, memberi seribu satu macam pengalaman yang sangat mencabar. Melalui program ini juga, orang ramai, terutama remaja masa kini, berpeluang untuk merasai pengalaman tidur di rumah-rumah tradisi yang biasanya hanya diterangi oleh cahaya bulan dan bintang melalui celah-celah dinding. Suasana malam lebih ketara dirasai apabila hendak ke tandas yang terletak jauh di luar rumah. Program ini bermula pada 6 Mac 2015 sehingga 7 Mac 2015. Penyertaan adalah terbuka dan borang boleh diperolehi di Muzium Sabah. Untuk pertanyaan lanjut sila berhubung dengan Puan Marianna Linggan / Puan Norsiah Jerin di talian 088-253199/088-225033